

KESATUAN PEKERJA-PEKERJA BUKAN EKSEKUTIF MALAYAN BANKING BERHAD

Rujukan Kami : MN/CIR/0011/2025

16^{hb} Disember 2025

Salam Sejahtera Ahli-Ahli Yang Dihormati,

INISIATIF PERJANJIAN KOLEKTIF KESATUAN PEKERJA-PEKERJA BUKAN EKSEKUTIF MALAYAN BANKING BERHAD (MAYNEU) YANG PERTAMA

Ahli-Ahli yang dihormati,

Kami amat berbesar hati untuk menerangkan tentang inisiatif MAYNEU didalam merealisasikan Impian semua pekerja-pekerja bukan eksekutif Maybank untuk mendapat perjanjian kolektif yang pertama dan terbaik terutama kepada ahli dan bakal ahli.

Didalam mana-mana perjanjian kolektif diantara kesatuan sekerja dan majikan tidak akan diskriminasi kepada mana-mana pekerja yang berada didalam kategori ataupun skop pekerjaan yang termaktub di dalam rangkuman perjanjian kolektif tersebut. Ini adalah berdasarkan kepada AKTA PERHUBUNGAN PERUSAHAAN 1967 (AKTA177) SEKSYEN 17(1)(a)(b). Ini bermakna secara prinsipal sekiranya ahli kesatuan sekerja mendapat faedah-faedah berkaitan seperti pembayaran bonus, tunggakan gaji, tunggakan elaun-elaun dan sebagainya maka segala faedah-faedah ini diperluaskan juga kepada semua pekerja-pekerja lain didalam kategori yang sama.

Oleh itu MAYNEU beriltizam dan akan mengunjurkan cadangan-cadangan konstruktif dan lojik kepada pihak majikan untuk dimasukkan ke dalam bakal **PERJANJIAN KOLEKTIF MAYBANK DAN MAYNEU** yang julung kali diantaranya:

1. **Kenaikan tangga gaji diantara 20% sehingga 30%**
2. **Tiada jumlah siling untuk had perubatan keluarga sama seperti kesatuan AMCO**
3. **Kenaikan had pergigian dan cermin mata sebanyak Rm 1,500.00 setahun dan boleh dihimpun selama 3 tahunan.**
4. **Penambahan Bonus prestasi minimum 1 bulan gaji dan pembayaran bantuan perayaan minimum 1 bulan gaji setiap tahun.**

Walaubagaimanapun ini hanyalah diantara cadangan-cadangan yang telah difikirkan oleh pihak kami secara rawak dan kami akan mendapatkan segala cadangan-cadangan lebih bagus daripada semua ahli didalam roadshow kami yang akan datang.

Namun begitu rundingan perjanjian kolektif pertama MAYNEU ini hanya akan menjadi kenyataan sekiranya kami berjaya mendapatkan majoriti ahli daripada kesemua pekerja-pekerja bukan eksekutif didalam mendapatkan hak rundingan tunggal. Kami memerlukan solidariti dan sokongan daripada semua pekerja-pekerja bukan eksekutif Maybank iaitu dengan menjadi ahli kepada kesatuan kami melalui wakil-wakil rasmi dari pihak kami ataupun mengisi borang secara online dengan melayari laman web kami <https://mayneu.org.my/>



JESNI MAHMOOD
SETIAUSAHA

s.k. Presiden, MAYNEU